

## Kelebihan Kitab Suci al-Quran al-Karim

Rencana ini, adalah di antara beberapa sumbangan ceramah yang telah disampaikan dalam persidangan

“Muktamar al-Quran al-Karim yang Ketiga” yang diadakan oleh *Jam ‘iyyah al-‘Ulamā’* India Selatan di Dewan Peringatan

Victoria Singapura pada hari Ahad 19.9.65 yang lalu. Bagi faedah sidang pembaca Qalam yang

budiman, kami muatkan dalam ruangan ini rencana tersebut sepenuhnya.

(Disusun oleh: *al-Ustādh* Ahmad Sonhadji Mohamad)

Al-Qur’ān, adalah merupakan kalam Allah yang *qadam* diturunkan oleh Allah dari langit.

Al-Qur’ān adalah merupakan kalamullah yang *qadam* lagi *azalī*. Ertinya al-Qur’ān itu, ialah kata-kata Allah yang bersifat *qadīm* (wujudnya tidak berpermulaan) dan bersifat azali (keadaannya hanya Allah jua yang mengetahuinya).

Al-Qur’ān, adalah merupakan wahyu Ilahi, yang dibawa turun oleh Malaikat Jibrīl *‘alayhi al-salām* untuk disampaikan ke dalam jantung hati Muḥammad (S.A.W) iaitu Penghulu dari sekalian nabi dan rasul, wahyu yang mengandungi berita gembira dan berita duka kepada sekalian makhluk yang mendiami seluruh alam.

Sebelum al-Qur’ān diturunkan, Allah telah menurunkan beberapa buah kitab suci yang lain kepada beberapa orang para rasul, akhirnya disudahi dengan turunnya al-Qur’ān kepada utusan-Nya Muḥammad (S.A.W). Jadi al-Qur’ān itu adalah kitab suci yang paling lengkap isinya, berbanding dengan kitab-kitab suci yang terdahulu daripadanya. Yang demikian itu ialah, kerana kitab-kitab suci yang terdahulu itu isinya disesuaikan mengikut perkembangan hidup manusia – setingkat demi setingkat – belum selengkap perkembangan hidup manusia di zaman kebangkitan

Muḥammad (S.A.W). Namun demikian, semasa Muḥammad (S.A.W) dilantik oleh Allah menjadi rasul, tiadalah al-Qur’ān itu diturunkan sekaligus, malahan beransur-ansur, seayat demi seayat yang mengambil masa kira-kira 22 tahun atau lebih sedikit. Dengan selesainya ayat-ayat al-Qur’ān yang mengambil masa lebih dari 22 tahun itu, maka sempurnalah hukum-hukum Allah yang terkandung dalam al-Qur’ān, untuk dijadikan panduan hidup sekalian manusia dengan tidak akan berubah-ubah lagi.

Hal inilah yang telah dinyatakan oleh Allah dengan firman-Nya *Al-yawma akmaltu lakum dīnakum wa atmamtu ‘alaykum ni‘matī wa raḍītu lakum al-islāma dīnā* Ertinya: “Hari ini telah Aku (Allah) sempurnakan agama kamu bagimu, dan Aku cururkan nikmat ke atasmu, dan Aku reda Islam menjadi agamamu.” (5/3)

Sesungguhnya al-Qur’ān itu penuh berisi dengan berbagai-bagi kelengkapan dan persediaan yang dapat memimpin manusia ke arah kesedaran, memandu manusia ke arah kesempurnaan hidupnya di dunia, di samping mendapat pula pahala dan sebaik-baik balasan di akhirat.

Dengan al-Qur’ān, manusia dapat dibawa untuk menghadapi segala kenyataan, untuk menghadapi alam yang nyata lagi benar bukannya khayal atau impian. Kerana

al-Qur'ān adalah punca atau sumber yang menerbitkan berbagai-bagai ilmu pengetahuan dan menerangkan bermacam-macam tabiat dan asal kejadian. Istimewa pula, ayat-ayatnya merupakan kata-kata sakti lagi berhikmah, kata-kata yang tersusun rapi, halus berseni, molek dan sangat menarik, sehingga menghairankan akal ahli sastera dan pujangga bahasa yang handal-handal ketika mereka itu merasakan keindahan bahasanya yang sangat mempersona.

Maka tiadalah hairan, kalau pujangga-pujangga bahasa dan ahli-ahli sastera bangsa Arab yang mendengar walaupun hanya sepotong ayat, mereka terus mengatakan; Ini tak lain hanyalah sihir! Inilah sihir yang dibawa oleh Muḥammad. Mereka katakan Qur'an itu sihir, kerana mereka itu takut terpengaruh oleh ajaran baru yang dibawa oleh Muḥammad iaitu ajaran yang berlawanan dengan agama usang yang dibawa oleh nenek moyang mereka. Sebenarnya hati mereka iri melihat keindahan susunan kata-katanya yang begitu mempesonakan. Dan hati mereka dengki kerana tak berdaya menirunya untuk membuat tentangan. Didorong oleh kedegilan kerana enggan untuk menerimanya, maka tak ada jalan yang lain lagi bagi mereka hanyalah mengatakan; Ini tak lain hanyalah sihir yang nyata.

Pernah tersebut dalam riwayat; semasa Islam disiarkan dengan cara sembunyi-sembunyi di kota Mekah dahulu, ada terdapat tiga orang tokoh-tokoh besar orang Quraisy, yang menjadi penghalang Islam, iaitu Abū Sufyān, Abū Jahl dan Sharīq bin al-Akhnas. Mereka pergi mengendap-endap ke tempat pengajian orang-orang Islam yang dikenal dengan nama "Dār al-Arqam" untuk mendengar Qur'an yang dibacakan oleh Nabi Muḥammad (S.A.W) kepada sahabat-sahabatnya di sana setiap malam. Kebetulan ketiga-tiga orang ini telah berjanji bersumpah setia tidak akan mendengar bacaan Qur'an di Dār al-Arqam itu. Tetapi ketiga-tiganya telah tidak tertahan untuk melawan keinginan hati masing-masing daripada

mendengarnya. Sesungguhnya kandungan tiap-tiap ayat Qur'an yang mereka dengar sangat-sangat menarik dan menakjubkan, sehingga mereka akui bahawa manusia ataupun jin tidak akan sanggup menyusunnya demikian rupa. Inilah yang menyebabkan mereka tertarik selama tiga malam berturut-turut seorang demi seorang datang sendiri-sendiri dengan mengendap ke Dār al-Arqam untuk mendengarnya. Dan setiap malam yang mereka bertiga menjanjikan diri masing-masing tidak akan datang lagi ke Dār al-arqam itu telah tidak dapat mereka tetapi. Kesudahannya mereka bertemu juga di Dār al-Arqam setelah beberapa lama bersembunyi di dalam kegelapan malam. Akhirnya, setelah mereka merasa malu kepada diri masing-masing kerana melanggar janji, maka mereka pun membuat pula janji yang lain, janji baru iaitu; pada setiap malam berikutnya hendaklah mereka bertiga berkumpul di suatu tempat yang tertentu jangan berpisah-pisah sehingga selesai Muḥammad dari membacakan Qur'an kepada sahabat-sahabatnya di Dār al-Arqam supaya mereka tidak pula dapat datang ke sana dengan bersembunyi-sembunyi lagi. Janji itu mereka kuatkan dengan sumpah atas nama berhala yang paling besar di Kaabah iaitu Hubal, dan diiringi pula dengan nama berhala-berhala lain seperti Lāṭta, 'Uzzā dan sebagainya. Semenjak itu mereka telah tidak lagi mahu mendengar bacaan Qur'an dan terus mengisytiharkan pertentangan mereka terhadap Qur'an dengan sehebat-hebatnya dengan menyiarkan kepada orang ramai; bahawa apa yang dibacakan oleh Muḥammad itu adalah sihir jua, dan barang siapa yang akan mendengarnya akan mereka musuhi dan mereka sakiti.

Tersebutlah pula akan kisahnya bagaimana 'Umar bin al-Khaṭṭāb semasa mendengar bacaan Qur'an. Ceritanya demikian;

'Umar bin al-Khaṭṭāb sebelum masuk Islam, terkenal sebagai seorang pemuda pendekar yang gagah berani dan disegani oleh orang-orang Quraisy Mekah. Dia juga terkenal

pandai menulis dan membaca. Jarang terdapat orang-orang yang seperti dia, terutama tentang kepandaiannya menulis dan membaca. Hanya 17 orang sahaja yang tahu menulis dan membaca dalam masyarakat Mekah semasa itu. Kebanyakan mereka buta huruf, hanya bersandarkan dengan kekuatan menghafal apa yang mereka dengar. Dan setiap apa yang mereka hafal tidak akan lupa dari ingatan terus melekat ke dalam otak ibarat tulisan yang terlekat di atas kertas. Demikianlah ‘Umar, salah seorang yang terpengaruh untuk membaca Qur’an hanya kerana terpengaruh oleh kata-kata yang diucapkan seperti Abū Sufyān, Abū Jahl, Sharīq dan kawan-kawannya, tetapi dia sendiri belum pernah mendengarnya apalagi membacanya.

Pada suatu hari, ‘Umar bermaksud hendak menemui Nabi (S.A.W) dan membinasakannya. Sedang dalam perjalanan, dia telah ditegur oleh Nu’aym bin al-Nahm, menanyakan ke mana hendak pergi? Dijawabnya hendak menemui Muḥammad untuk membinasakannya. Kata Nu’aym pula; apa perlunya engkau temui Muḥammad, walhal adikmu perempuan dan suaminya telah menjadi pengikut Muḥammad? Mendengar itu ‘Umar menjadi berang dan marah. Lalu berpatah balik untuk pergi ke rumah adiknya. Didapati adiknya dan suaminya sedang membaca Qur’an yang diajarkan oleh Khabbāb bin al-Aratt. Dengan tidak berfikir panjang, adiknya telah dipukulnya sehingga berdarah-darah begitu juga suaminya. Bila ‘Umar melihat darah mengalir dari tubuh adiknya, menyesallah ia dan berasa kasihan, lalu bertanya: “Apa yang engkau baca?” Adiknya menjawab: “Kami membaca kitab Allah.” ‘Umar berkata lagi: “Tunjukkan dia kepadaku!” Adiknya menjawab: “Tidak! Engkau kotor dan janis<sup>1</sup>. Pergilah mandi dahulu!” ‘Umar mengikut kata-kata adiknya. Dia mandi, kemudian diambalnya Qur’an dan dibacanya *Tāhā mā anzalnā ‘alayka al-Qur’āna li tashqā* dengan rasa takjub meluncurkanlah kata-kata dari mulutnya: “Amboi. Alangkah bagusnya ini?” Semasa itu Khabbāb yang menjadi

guru Qur’an tidak belengah-lengah lagi lalu mendekati ‘Umar dan memujuknya supaya masuk Islam seraya berkata “Wahai ‘Umar! Sesungguhnya Nabi (S.A.W) telah berdoa dan memohon ke hadirat Allah, moga-moga Allah menguatkan agama Islam ini dengan sokongan engkau ataupun Abū Jahl.” Akhirnya ‘Umar telah masuk Islam dan membaca dua kalimah syahadah di hadapan Nabi (S.A.W) dan menjadilah ia salah seorang penyokong Islam yang kuat. Malah dengan kemasukannya diajarkannya orang-orang Islam berarak ke Kaabah dan beribadah di sana berterang-terangan, untuk menunjukkan tenaga kesatuan orang-orang Islam, berkat membaca al-Qur’an yang telah menyinari hati dan jiwanya. Pernah Saiyidina ‘Umar bin al-Khattāb berkata demikian: “Manakala saya mendengar Qur’an menjadi lunaklah hati saya. Saya lalu menangis dan saya pun masuk Islam.”

Benarlah al-Qur’an itu merupakan sebuah kitab yang berhikmah, yang mengingatkan seseorang itu kepada Tuhannya sehingga merasa dirinya takut kepada-Nya. Dan semakin Qur’an itu dibaca oleh orang yang beriman, semakin bertambah pula iman dan kepercayaan kepada Tuhan. Ini jelas dinyatakan oleh Allah dengan firman-Nya *Innamā al-mu’minūna alladhīna idhā dhukira Allāhu wajilat qulūbuhum wa idhā tuliyat ‘alayhim āyātuhū zādathum īmānan wa ‘alā rabbihim yatawakkalūn* ertinya: “Hanya sanya orang-orang yang beriman itu, ialah mereka yang ketika disebut nama Allah, hatinya akan penuh ketakutan. Dan apabila dibacakan ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan-Nya) kepada mereka, akan bertambah-tambahlah iman mereka, dan kepada Tuhan mereka berserah.” (2/8).

Begitu pula Qur’an itu tidak akan menjemukan dan tidak akan membosankan bagi orang yang membacanya, walaupun dia dibaca dengan beribu-ribu kali banyaknya. Dan setiap membacanya dengan hati yang khusyuk sambil merenungkan makna-maknanya rahsia-rahsiannya dan hikmah-hikmahnya yang tersembunyi di dalamnya, maka setiap itu pula akan membawa perhatian baru, semangat baru dan ilham baru kepada orang

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah najis

yang membacanya. Sebabnya ialah, kerana Qur'an itu tidak mengajak bercakap melainkan kepada orang yang berakal sahaja, kepada orang yang berfikiran dan kepada orang yang tahu menimbangkan sesuatu dengan akal dan fikiran yang sihat. Ini telah digambarkan oleh Allah dengan firman-Nya *Kitābun uḥkīmāt āyātuhū thumma fuṣṣilat min ladun ḥakīmīn khabīr*. Ertinya: “(Inilah) kitab yang tepat ayat-ayatnya kemudian diberi penjelasan, (datang) dari Tuhan yang Bijaksana lagi Mengetahui.” (1/11).

Sememangnya al-Qur'an itu mengandungi ayat-ayat yang susunannya sangat tepat lagi rapi, setengahnya pula memberi penjelasan yang terang, mudah difaham oleh orang yang berakal, sesuai dengan keadaannya sebagai kitab suci yang paling lengkap isinya. Marilah kita tinjau sebahagian isi al-Qur'an itu.

Dia mengajak manusia berfikir, merenungkan dan memperhatikan apa yang ada di sekelilingnya. Firman Allah *Quli inzurū mādhā fī al-samāwāti wa al-arḍi wa mā tuḡhnī al-āyātu wa al-nudhū<sup>2</sup> 'an qawmīn lā yu'minūn*. Ertinya: “Katakanlah: Perhatikanlah apa yang terdapat di langit dan di bumi! Tetapi tiada berfaedah keterangan-keterangan dan peringatan-peringatan bagi kaum yang tidak beriman.” (101/10).

Apa yang terdapat di langit dan apa yang terdapat di bumi, semuanya ini adalah benda-benda yang paling dekat kepada kita dan dapat dilihat setiap hari, hendaklah kita perhatikan. Bagi orang yang berakal, dia mendapat kesimpulan, bahawa apa yang telah diperhatikannya itu, adalah merupakan tanda-tanda atau keterangan-keterangan yang menunjukkan adanya Tuhan yang menciptakannya. Si Pencipta itulah Tuhan yang Esa dan Maha Kuasa. Tetapi bagi orang yang tidak mempercayai adanya Tuhan dan orang-orang yang tidak beriman, maka tanda-tanda, keterangan-keterangan bahkan peringatan-peringatan yang diberi kepada mereka tidak ada gunanya dan sesia belaka. Demikianlah maksud ayat tadi.

Firman Allah pula *Wa al-samā'a banaynāhā bi aydīn wa innā la mūsī'ūn. Wa al-arḍa farashnāhā fa ni'ma al-māhidūn* Ertinya: “Langit itu Kami (Allah) bina dengan kekuasaan Kami dan sesungguhnya Kami berkuasa. Dan bumi Kami bentangkan dia, dan Kamilah yang sebaik-baik membentangkannya.” (47-48/51).

Maksudnya: Fikirkanlah bagaimana Tuhan membina langit dan membentangkan bumi dengan kekuasaan-Nya. Betapa indahnya warna langit itu kita lihat. Betapa pula cantiknya warna pohon-pohon yang ada di atas bumi ini kita pandang. Bukankah warna-warnanya menyedapkan mata memandang? Bukankah pemandangannya menyegarkan perasaan dan fikiran? Bukankah boleh menjadi ubat bagi orang yang terganggu kesihatannya, dan menjadi penawar bagi orang yang sakit urat sarafnya? Itulah sebabnya para tabib kerap menasihati *patient-patientnya* (orang-orang sakitnya) supaya berehat, bertukar angin, menikmati keindahan alam sebagai ubatnya. Sebelum tabib-tabib itu tahu akan hal ini, Allah telah lebih dahulu menganjurkan yang demikian itu di dalam ayat ini. Dialah sebaik-baik Pencipta yang membentangkan keindahan alam ini.

Firman Allah yang lain *Huwa alladhī ja'ala al-shamsa dhiyā'an wa al-qamara nūran wa qaddarahū manāzilā li ta'lamū 'adada al-sinīna wa al-ḥisāb* ertinya: “Dialah (Allah) yang menjadikan matahari bersinar, dan bulan bercahaya, serta menetapkan perjalanannya, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hisab (haribulan).” (5/10).

Maksudnya: Fikirkanlah akan kegunaan matahari dan bulan yang kita saksikan sepanjang masa, begitu pula akan adanya siang dan malam yang silih berganti, sehingga kita tahu bilangan hari, bilangan minggu, bilangan bulan dan bilangan tahun. Kita telah dapati, tidak selamanya matahari memancar dan tidak selamanya pula bulan bersinar. Gunanya supaya kita dapat bekerja di siang hari dan

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah *wa al-nudhuru*.

berehat di malam hari. Apakah yang akan berlaku kalau siang berterusan sahaja? Tentulah permukaan bumi ini akan terbakar, tanaman-tanaman dan ternak akan mati, begitu pula air akan habis menjadi wap, dan akhirnya semua manusia akan binasa oleh teriknya panas matahari. Dan apakah yang akan berlaku kalau malam berterusan pula? Tentulah peraturan hidup manusia akan rosak kerana mereka tak dapat bekerja lagi, disebabkan tak ada sinar dan tak ada panas yang cukup dari matahari yang mereka perlukan.

Firman Allah pula *Wa Allāhu alladhī arsala al-riyāḥa fa tuthīru sajbān<sup>3</sup> fa suqnāhu ilā baladīn mayyitin fa ahyaynā bihī al-arḍa ba‘da mawtihā ka dhālika al-nushūr* ertinya: “Dialah (Allah) yang mengirim angin, lalu diterbitkannya awan, kemudian Kami jalankan ke negeri yang mati (kering tanahnya), lalu Kami hidupkan dengan hujan itu akan bumi yang telah mati. Dan begitulah pula akan berlaku *nushūr* (orang yang mati akan dihidupkan semula di akhirat).” (9/35).

Di sini Allah mengajar manusia tentang alam kejadian dan ilmu alam. Bagaimana kejadian hujan dan gunanya angin. Keduanya bekerjasama untuk menghasilkan air, iaitu suatu zat yang menyebabkan hidupnya segala sesuatu. Manusia hidup dengan air, dan bumi yang kering ibarat tubuh yang mati akan menjadi subur dengan adanya air. Bumi yang subur adalah bumi yang hidup kerana penduduknya akan menjadi makmur. Manusia diberitahukan oleh Allah akan hal ini, supaya manusia itu mempercayai akan adanya Hari *Nusyūr*, iaitu hari manusia dibangkitkan dari kuburnya, untuk diperkirakan apa amalan dan yang dilakukan selama di dunia. Jika baik, syurgalah balasannya. Dan jika jahat, nerakalah tempatnya. Kalau kita bertanya; Bagaimanakah seseorang itu akan tahu bahawa sesuatu yang dikerjakannya itu baik atau buruk? Jawabnya ialah; hal ini dapat diketahui dengan adanya rasul-rasul yang diutus oleh Allah, dengan membawa syariat atau agama untuk memandu

hidup manusia. Syariat atau agama yang dibawa oleh para rasul itulah yang dijadikan panduan hidup yang diajarkan kepada umatnya. Dan pokok atau teras yang menjiwai agama itu pula ialah keimanan.

Di dalam Qur’an diterangkan asas-asas keimanan di antaranya ialah firman Allah *Āmana al-rasūlu bi mā unzila ilayhi min rabbihī wa la-mu‘minūna kulhun āmana billāhi wa malā’ikatihī wa kutubihī wa rusulihī lā nufarriqu bayna ahādīn min rusulih* ertinya: “Rasul itu beriman dengan apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, begitu pula orang-orang Mukmin. Semuanya beriman dengan Allah, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya (seraya mereka berkata): “Tiadalah Kami bezakan antara seorang jua pun daripada rasul-rasul-Nya.” (285/2).

Ayat ini menyimpulkan tentang wajibnya beriman bagi seseorang yang beragama. Mestilah percaya akan adanya Allah, percaya akan adanya malaikat, percaya akan adanya kitab-kitab Allah, dan percaya kepada rasul-rasul-Nya dengan tidak pula boleh membeza-bezakan rasul-rasul tersebut. Selain mempercayai semua tadi, mestilah percaya pula kepada hari akhirat dan percaya bahawa takdir yang baik dan yang buruk itu datangnya daripada Allah – sebagaimana yang dijelaskan dalam hadith-hadith Nabi (S.A.W).

Di dalam Qur’an juga diterangkan bermuamalah dan pimpinan di bidang perekonomian, gunanya untuk memelihara hak seseorang dalam harta bendanya. Banyak ayat-ayat yang menerangkan dalam hal ini, misalnya firman Allah *Yā ayyuhā alladhīna āmanū idhā tadāyantum bi daynin ilā ajalīn musammā fa uktubūh* ertinya: “Hai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berhutang-hutangan dengan sesuatu hutang hingga ke suatu masa yang ditetapkan, hendaklah kamu tuliskan.....” (282/21<sup>4</sup>).

[Kerana ceramah ini panjang *in shā’a Allāh* akan kita siarkan sambungannya dalam majalah Qalam keluaran bulan depan].

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah *sahāban*

<sup>4</sup> Perkataan sebenar ialah 282/2.

(Sambungan dari muka 30)

melihat ada empat sungai mengalir dari *sīdrah* itu dua di dalam dan dua di luar. Nabi bertanya kepada Jibrīl dan dijelaskan bahawa dua sungai itu ialah sungai di dalam syurga dan dua lagi ialah sungai Nil dan sungai Furat.

20. Kepada Nabi dibawakan tiga buah bejana berisi minuman: sebuah arak sebuah susu dan sebuah madu. Nabi disuruh memilih dan meminumnya dan Nabi memilih bejana yang berisi susu dan meminumnya. Jibrīl melihat pilihan itu lalu berkata: “Itulah fitrah yang tuan dan umat tuan akan ada padanya.”

21. Nabi ditunjukkan keadaan *Sīdatu' al-Muntahā* iaitu yang ditutupi bermacam-macam warna dan keadaan. Apabila ditutup oleh sesuatu yang menutupinya dari perintah Allah berubahlah ia dengan suatu perubahan mengikut apa yang dikehendaki oleh-Nya dan tidak dapat seorang pun makhluk Allah menggambarkan betapa elok dan indahnya. Di sana juga Nabi mendengar gerak-geri suara kalam menulis.

22. Di sini Nabi melihat rupa Jibrīl dengan sebenarnya dan kemudian dibukakan hijab bagi beliau dan di sinilah Nabi menerima wahyu daripada Tuhan.

23. Nabi menerima pula wahyu untuk mengerjakan solat lima puluh kali dalam sehari semalam lalu membawa balik kewajipan itu.

24. Nabi memohon semula kepada Allah lalu permohonan itu diterima dan kewajipan itu dikurangi sehingga lima waktu iaitu sesudah berulang beberapa kali dengan anjuran Nabi Mūsā.

Demikian itulah riwayat Israk dan Mikraj dengan

serba ringkas dan di dalam Israk dan Mikraj itu

Tuhan telah menyampaikan tiga perkara:

1. Tentang kewajipan mengerjakan sembahyang lima waktu;
2. Tentang ayat yang akhir dalam sūrat al-Baqarah, dan
3. Tentang keampunan bagi umatnya yang mengerjakan dosa besar selain daripada menyengutukan Allah dengan sesuatu.

Adapun ayat yang akhir dalam sūrat al-Baqarah ialah 285-286 yang maksudnya:

Rasul itu percaya kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan (begitu juga) Mukminin; Tiap-tiap seorang daripada mereka percaya kepada Allah, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya: “Kami tidak membezakan antara seorang dengan lain daripada rasul-rasul-Nya.” Dan mereka berkata: “Kami dengar dan kami taat (kami minta) keampunan-Mu, hai Tuhan kami! Kerana kepada-Mulah tempat kembali.”

Allah tidak memberatkan suatu jiwa melainkan sekadar sanggup dipikul olehnya. Ialah yang akan mendapat pahala (pahala dari) apa yang ia kerjakan: dan ialah yang akan mendapat (seksa dari) apa yang ia usahakan: “Hai Tuhan Kami! Janganlah Engkau seksa kami jika kami lupa atau kami keliru. Hai Tuhan kami! Dan janganlah Engkau pikulkan atas kami seksa sebagaimana Engkau pikulkan dia atas orang-orang yang dahulu daripada kami. Hai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan atas kami (perintah-perintah) yang tak patut kami mengerjakan: Dan hapuskanlah (dosa-dosa) daripada kami, dan lindungilah kami (daripada dosa-dosa), dan kasihanilah kami. Engkau Penolong kami: Oleh itu tolonglah kami atas (mengalahkan) kaum yang kafir.”

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah *Sidrah al-Muntahā*.